



# Ada yang tersurat, tersirat

» *Memang perbuatan penyokong JDT itu amat biadap, namun ada mesej jelas menunjukkan ketidakpuasan hati mereka terhadap FAM berhubung isu Gary*

**T**irai Liga Malaysia (Liga M) disingkap minggu lalu dengan menjanjikan pelbagai episod yang bakal menghangatkan lagi musim 2015 ini. Tahniah kepada pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) yang muncul juara Piala Sultan Ahmad Shah selepas menewaskan juara Piala Malaysia 2014, Pahang 2-0 pada aksi sumbangsah, seterusnya mengutip tiga mata pertama Liga Super.

Stadium Tan Sri Hassan Yunus umpama pentas opera yang sering berjaya memuaskan hati penyokong mereka dengan persembahan memukau oleh skuad Harimau Selatan. Namun, aksi berkualiti yang dipertontonkan oleh anak buah Sojan Hodak pada malam itu gagal menyaiangi perhatian yang diberikan kepada segelintir penyokong JDT yang berjaya mencuri tumpuan dengan hanya menggunakan kain rentang manusia berwajah anjing.

**Mesej untuk FAM**

Umpama seorang pelukis yang penuh artistik, ada mesej yang ingin disampaikan dan tidak lain tidak bukan kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Jika

dilihat daripada pandangan mata kasar ia satu kelakuan yang amat biadap. Namun kalau diperhalusi, mesej mereka jelas menunjukkan ketidakpuasan hati penyokong JDT terhadap badan induk bola sepak negara dalam kes membabitkan bekas pemain Harimau Muda A, Gary Steven Robbat.

Seperti soalan peperiksaan yang bocor, ramai dapat mengagak reaksi FAM yang mengatakan perbuatan segelintir penyokong JDT itu amat biadap. Kebiadapan itu dicarangkan lebih lantang daripada rintihan penyokong yang ingin melihat FAM lebih bersikap adil dalam membuat keputusan.

**FAM harus baik imej tercalar**

FAM sepatutnya memandang serius perkara ini untuk memperbaiki imej mereka yang sudah lama tercalar di mata pengikut bola sepak Malaysia. "Undang-undang apakah yang diguna pakai untuk menyelamatkan pasukan adik?" antara kata-kata keluhan daripada penyokong pasukan yang lain bersetuju dengan mesej itu.

Jangan ada pilih kasih dalam membuat keputusan, biarlah adil

dan saksama. Ini bukan kali pertama Pahang diselamatkan, sudah dua kali Tok Gajah sepatutnya tersingkir di liga bawahan tapi ada tangan ajaib mengarahkan format liga diubah dengan penambahan pasukan. Kali ini, lagi sekali Pahang 'dilepaskan' dengan hanya amaran keras sedangkan JDT didenda RM100,000.

Sampai bila penyokong harus 'memberontak'? FAM patut lebih positif dan mengambil pendekatan yang lebih bijak dalam menangani isu ini. Jangan menganggap penyokong akan hanya berdiam diri. Selamilah rintihan penyokong.

**Usah ikut cara barat**

Apapun, penyokong JDT seharusnya lebih peka kepada sensitiviti sesetengah pihak. Usahlah terlalu mengikut cara barat dalam penyampaian intai pati perjuangan. Banyak lagi cara lain untuk menyuarakan wadiah perjuangan. Jangan terlalu beremosi untuk menarik perhatian golongan sasar.

Beringatlah impak yang bakal melanda diri sendiri, nama baik pasukan dan rakyat Johor secara keseluruhan sebelum mengambil

tindakan sebegini.

Apa erti kehebatan sesebuah pasukan jika penyokongnya sering kali menimbulkan kontroversi yang mencetus kemarahan dan kebencian sesetengah pihak? Penyokong seharusnya bertanggung jawab mempertahankan martabat pasukan daripada diperlekeh pihak lawan.

Bertindaklah dengan lebih kreatif dan bijak dalam mempersempakkan mesej. Tidak dapat dinafikan cara halus sudah banyak kali digunakan namun itu tidak bermakna anda boleh menggunakan cara kurang sopan dalam menyuarakan ketidakpuasan hati.



BERITA HARIAN (M/S.47)

8 FEBRUARI 2015



**7** SOROTAN SUKAN SEMINGGU

METRO AHAD (M/S) 60

9 FEBRUARI 2015

# Gamat!

## ■ Kain rentang gergasi cetus keresahan

**D**i saat seluruh peminat bola sepak tempatan menantikan perlawanan Piala Sumbangsih antara Johor Darul Ta'zim (Johor DT) dan Pahang hujung minggu lalu, kehadiran sebuah kain rentang gergasi di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin menjadi pencetus tumpuan liputan sukan sepanjang minggu ini.

Tidak dinafikan, ia mencerminkan kemerahan sepak bola Liga M yang memertemukan juara Liga Super, Johor DT dengan Pahang selaku juara Piala FA dan Liga Malaysia.

Imej manusia berkepala anjing memakai kot Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang mendukung anjing serta berfikir mengenai RM, bagi membawa isyarat tertentu segelintir penyokong yang mungkin masih kecewa dengan FAM.

### IRADAB

Namun yang pasti, kehadiran kain rentang dengan imej sedemikian benar-benar membangkitkan kemarahan penggiat bola sepak tempatan, apatah lagi anjing melambangkan sesuatu yang hina dalam masyarakat tempatan.

Ramai berpendapat, ia sekadar satu provokasi dan mahu budaya negatif seperti itu dihalang daripada terus merebak.

FAM tentu sekali mahu mendapatkan penjelasan mengenai isu ini, justeru Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNI) di berikan surat tunjuk sebab berikutan insiden iradab berkenaan.

Mujurlah Presiden FAM Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang meskipun kecewa dengan insiden itu, enggan mengemukakan keadaan mahupun melenting terhadap tindakan kurang ajar itu, sebaliknya menganggapnya sebagai satu cabaran sepanjang tugasnya mentadbir badan induk sukan itu.

### JOHOR DT

Berbalik kepada Johor DT, mereka semakin memangkannya sudah memulakan musim Liga M 2015 dengan penuh bergaya, berbekalkan skuad yang boleh dianggap 'sempurna' baik menerusi pemain tempatan, apatah lagi pemain import mereka.

Jaringan 2-0 pada perlawanan Piala Sumbangsih menerusi dua pemain import, Marcos Antonio dan Luciano Figueroa bagi memberi amaran kepada pasukan lain bahawa mereka dahagakan lebih banyak kejayaan musim ini.

Langkah mereka juga semakin garang dalam Liga Juara-Juara Asia (AFC), be-

berapa hari kemudian apabila menewaskan pasukan Bengaluru FC dari India 2-1 dan bakal bertemu Bangkok Glass FC di Stadium Pathum Thani, Selasa ini.

### ISU SHAKAM

Tidak ketinggalan isu Skim Hadiah Kemenangan Sukan Malaysia (SHAKAM) yang turut mencetuskan polemik apabila bekas pelari pecut negara, Narmizan Mohamad berpendapat sudah tiba masanya atlet memenangi pingat perak dan gangsa di Sukan SEA turut diberi imbuhan menerusi skim berkenaan.

Belian berpendapat, ganjaran terbahit mampu memberi motivasi buat atlet yang rata-ratanya baru hendak membina nama dalam sukan masing-masing.

Ada yang bersetuju dengan pandangan beliau, namun ada pula yang menolak, dengan alasan tahap Sukan SEA yang dianggap rendah dan bukannya medan ujian sebenar kemampuan atlet.

### KEBANGKITAN AZIZUL

Nakhon Ratchasima, Thailand membara khabar gembira dari skuad berbasikal negara yang melakar pelbagai kejayaan khususnya buat pelumba sensasi negara Azizulhasni Awang di pentas Kejohanan Lumba Basikal Asia (ACC).

Azizulhasni berjaya meraih pingat emas dalam acara kegemaranannya, keirin sekali gus memegang gelaran itu buat kali keempat, namun yang pasti ia menjadi pembangkit semangat buat pelumba akrab digelar 'The Pocket Rocketman' yang kurang menjadi pada Sukan Asia dan Sukan Komonwel tahun lalu.

Turut melakar kejayaan di Korat adalah Mohd Faizil Zonis dalam 10m remaja dan Fatehah Mustapa dalam acara 500m ujian masa.

### BADMINTON

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) bagaimanapun masih belum terlepas daripada kemelut membelenggu mereka sejak tahun lalu.

Isu membabitkan Datuk Lee Chong Wei masih belum reda apabila bekas pemain nombor satu dunia itu bagaikan hilang sahsa' mahu meninggalkan sukan itu jika Panel Pendengaran Doping membabitkannya yang sepatutnya berlangsung minggu depan ditangguh lagi hingga hulan depan.

Lebih mengurka, beregu lelaki Hoon Thien How dan Lim Khim Wah pula menentang keputusan meninggalkan BAM.



# Hanya untuk sukan kompetitif

■ Kok Chi mahu hanya sukan bertaraf tinggi terima SHAKAM

Oleh Ferzalfie Fauzi  
ferzalfie@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**B**oleh dilaksanakan tetapi hanya untuk acara kompetitif. Itu cadangan Setiausaha Kehormat Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Datuk Sieh Kok Chi jika mahu memberikan Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) Majlis Sukan Negara (MSN) kepada pemenang pingat perak dan gangsa Sukan SEA.

Menurutnya, taraf temasya yang diadakan secara dwi-tahunan itu sangat rendah dan hanya beberapa acara saja yang dilihat berkualiti seperti badminton.

"Kalau hendak berikan SHAKAM kepada pemenang pingat perak dan gangsa kita perlu pilih acara yang

betul-betul kompetitif," katanya ketika dihubungi semalam.

Jelasnya, dalam sesetengah acara, Malaysia dilihat terlalu mudah meraih pingat terutamanya skuasy.

"Jika kita beri semua insentif SHAKAM kepada pemenang pingat, ia seperti tidak ada perbezaan. Perkara ini juga bukan benda baru kerana sebelum ini kerajaan sudah pastikan bahawa Sukan SEA adalah saingan bertaraf rendah.

"Ada sesetengah acara tidak dipertandingkan di peringkat Sukan Olimpik. Jadi biar kerajaan teliti semula dan beri SHAKAM kepada yang betul-betul bersaing di peringkat Asia Tenggara," katanya.

Kok Chi berkata, perlu ada satu objektif dan meningkatkan taraf temasya sebelum memberi 'hadiah' kepada atlet yang berjaya.

"Ada acara yang hanya menyaksikan beberapa atlet saja mengambil bahagian dan ia tidak kompetitif, kalau skuasy tutup mata pun boleh menang," katanya.

Kelmarin, beberapa atlet yang pernah meraih pingat emas di temasya berkenaan bersetuju bahawa rakan seperjuangan mereka



LAPORAN Harian Metro semalam.

yang hanya membawa pulang perak dan gangsa perlu diberikan SHAKAM.

Mereka menganggap semua atlet yang beraksi di Sukan SEA sudah memberikan yang terbaik dan bertungkus-lumus untuk mengharumkan nama negara.



METRO AHAD (M/S) 6/...

8 FEBRUARI 2015

# Fatehah raih gangsa

MINGGUAN MALAYSIA (M) 23 8 FEBRUARI 2015

**KUALA LUMPUR** - Hasrat ratu pecut berbasikal negara Fatehah Mustapa untuk meraih pingat emas tidak kesampaian, namun masih boleh berasa sedikit ceria apabila memenangi gangsa acara pecut wanita elit dalam Kejohanan Lumba Basikal Asia 2015 (ACC 2015) di Korat, Thailand semalam.

Dalam penentuan pingat gangsa semalam, Fatehah yang berpangkalan di Melbourne menewaskan lawannya dari China, Shi Jingjing *straight set*, sekali gus menambah koleksi peribadinya di Korat dengan dua pingat setelah menang perak acara 500 meter pecut sebelum ini.

Pingat emas dimenangi oleh pelumba bertaraf dunia dari Hong Kong, Lee Wai Sze manakala perak menjadi milik wakil dari China, Lin Junhong.

Dalam perlumbaan separuh akhir semalam, Fatehah kalah *straight set* kepada Junhong. Selepas memberikan saingan sengit dalam perlumbaan pertama, pelumba kelahiran Terengganu itu gagal mengulangi prestasi cemerlangnya dalam perlumbaan kedua.

Bagaimanapun, Fatehah percaya dia masih mampu memburu pingat emas menerusi acara keirin meskipun bakal berdepan saingan Wai Sze yang merupakan pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik 2012 di London.

"Sebenarnya saya memang mahu menang dalam acara keirin. Saya mahu menambah mata kelayakan ke Sukan Olimpik 2016 (di Rio de Janeiro, Brazil). Saya sudah agak selesa dalam kutipan mata Sukan Olimpik 2016 dalam acara pecut.

"Jadi saya perlu menang di sini (dalam acara keirin) bagi mengukuhkan kedudukan saya untuk ke Rio. Saya percaya apa saja boleh berlaku dalam acara keirin. Sesiapa sahaja boleh menang dalam acara ini," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Sementara itu, The Pocket Rocketman, Mohd. Azizulhasni Awang melangkah ke suku akhir acara pecut elit lelaki sambil diiringi oleh rakan senegara Josiah Ng.

Pada kelayakan pusingan kedua semalam, Azizulhasni mudah



**FATEHAH MUSTAPA** mencium pingat gangsa yang dimenangi dalam acara pecut ACC di Korat, Thailand semalam.

menewaskan pelumba Taiwan, Kuo Chia Peng manakala Josiah pula menerima saingan sengit sebelum menundukkan wakil dari Iran, Khademi Ehsan.

Seorang lagi pelumba negara Muhammad Shah Firdaus Shahrom turut melangkah ke suku akhir acara tersebut selepas memenangi *repechage* dengan mengetepikan dua pelumba terkenal dari China, Xu Chao dan Bao Saifei.

Pada pusingan kelayakan, Azizulhasni muncul pelumba terpanas apabila merakam masa 10.363 saat manakala Josiah mencatat masa 10.782s.

Bagi acara pecut junior lelaki, dua pelumba negara iaitu Muhammad Khairil Nizam Rasol dan Mohammad Shahri Mohd. Shahrin turut melangkah ke suku akhir.

Azli Najmi Zulkefli mara ke perlumbaan penentuan pingat gangsa acara 3 kilometer kejar mengejar individu pada hari ini.



# Sukan layar makin berkembang

**B**agaimanakah persiapan untuk Piala Monsoon Malaysia yang akan berlangsung tidak lama lagi?  
**TUNKU ABDUL JALIL:** Persiapan sedang gigih berjalan dan pasukan saya kini bekerja keras untuk memastikan bahawa semuanya berjalan lancar. Alhamdulillah, kami sudah bersedia untuk menyambut kedatangan acara berprestij ini di Johor. Banyak juga pihak yang telah memberikan sokongan. Contohnya, baru-baru ini kami telah menandatangani perjanjian bersama Volvo yang akan menjadi penaja pengangkutan bagi acara ini. Kami juga banyak dibantu oleh Pro Match Tour Ltd., iaitu syarikat penganjur Alpari World Match Racing Tour yang beribu pejabat di London. Dengan sokongan Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara dan Persatuan Pelayaran Malaysia, saya bertambah yakin dapat menganjurkan kejohanan Piala Monsoon ini dengan berjaya.



**USAHA** Tunku Abdul Jalil (dua dari kanan) memajukan sukan pelayaran dalam kalangan remaja negara mendapat pengiktiraf antarabangsa apabila menerima anugerah daripada Persekutuan Pelayaran Antarabangsa (ISAF).

MINGGUAN MALAYSIA (M/S) 23 | 8 FEBRUARI 2015

Baru-baru ini, Tunku telah mendapat pengiktirafan Persekutuan Pelayaran Antarabangsa (International Sailing Federation - ISAF) bagi sumbangan Tunku untuk membangunkan lagi sukan layar di Malaysia.

Saya sangat teruja dengan pengiktirafan tersebut, tetapi saya melihat pengiktirafan itu bukan semata-mata kepada sumbangan saya, tetapi kepada kemajuan industri pelayaran Malaysia secara keseluruhan. Sememangnya misi peribadi saya untuk memajukan sukan pelayaran di negara ini dan saya berasa amat teruja melihat anak-anak muda Malaysia seronok mengambil bahagian dalam program yang kami telah anjurkan. Ini menunjukkan minat yang berjaya kami tanam dalam sukan ini di peringkat usia muda lagi.

Ini juga adalah langkah pertama yang amat penting dalam memupuk bakat anak muda tempatan, yang mana dengan langkah susulan dan program yang lebih komprehensif lagi, insya-Allah kita akan mampu

**MUKADIMAH** BUAT kali kedua, Johor Bahru akan menjadi tumpuan peminat sukan pelayaran apabila Piala Monsoon Malaysia berlangsung hari ini hingga Sabtu di Teluk Danga. Pertandingan berprestij ini dianggap sebagai perlumbaan Formula Satu dalam sukan pelayaran kerana mengumpulkan pasukan dan pelayar terhebat dunia.

Pengerusi Innovatige Sdn. Bhd., yang merupakan penganjur, Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim berkongsi keterujaannya terhadap kejohanan ini serta perkembangan sukan pelayaran tempatan.

untuk melahirkan juara dunia tidak lama lagi.

**Bolehkah Tunku nyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh industri pelayaran Malaysia?**

Saya gembira melihat banyak kemajuan yang telah dicapai sejak 2013, iaitu semenjak Innovatige Sdn. Bhd., syarikat di mana saya menjadi pengerusi, mengambil alih pemegang hak sebagai penganjur kepada Piala Monsoon Malaysia. Kami gembira dapat turut sama menyumbang kepada pelbagai program pembangunan sukan

pelayaran di bawah KBS.

Program Belia Belayar sebagai contoh. Dari Februari 2014 hingga Januari tahun ini, sebanyak 6,832 peserta dari lapan lokasi yang telah mengambil bahagian di dalam program ini. Kami juga telah mengadakan Belia Belayar peringkat kedua bagi pelajar-pelajar terpilih di Kuala Terengganu pada November tahun lepas untuk menguji kemahiran mereka di dalam sukan match racing.

Dengan jumlah penyertaan yang ramai, agensi-agensi yang terlibat akan mendapat satu pangkalan data yang besar yang boleh

digunakan untuk memajukan lagi sukan ini di masa hadapan.

**Apakah satu perubahan yang signifikan terhadap Piala Monsoon edisi ini yang Tunku ingin tonjolkan?**

Sebagai penganjur acara, kami telah menjadikan tugas kami untuk menampilkan pasukan Malaysia yang lebih kuat dalam Piala Monsoon kali ini. Dengan penganjuran siri Liga Layar Malaysia, kami telah berjaya mengadakan lebih banyak perlumbaan sepanjang tahun yang memberikan pelayar-pelayar lebih masa di atas bot yang boleh digunakan untuk mengasah kemahiran mereka dan juga mendalami pemahaman mereka tentang undang-undang match racing.

Hasilnya, tahap kemahiran pelayar-pelayar tempatan telah meningkat. Pasukan yang mewakili Malaysia dalam Piala Monsoon kali ini juga telah dipilih dari kalangan pelayar terbaik bagi setiap posisi di atas bot Foundation 36.

Tambahan pula, jurulatih antarabangsa juga telah dilantik untuk melatih pasukan kita ini. Kami berharap agar pasukan ini akan merekodkan prestasi yang lebih baik berbanding sebelum ini.





Aksi Hafiz ketika mewakili Cheras BC pada separuh akhir MPL, semalam.

■ NOOR HAFIZA CHE ABDULLAH

**BEKAS** pemain kebangsaan, Muhammad Hafiz Hashim menggesa Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mengkaji dengan segera punca utama pemain di bawah naungannya bertindak meletakkan jawatan.

Ini kerana Hafiz berkata, sekiranya badan induk itu terus mendiamkan diri, dikhuatiri lebih ramai pemain yang akan melakukan tindakan sama seperti yang dilakukan oleh Hoon Thien How dan Lim Khim Wah sebelum ini.

"Sekiranya BAM dapat kawal dengan baik, mungkin pemain akan terus setia bersama badan induk itu, tapi apa yang kita nampak sekarang memang BAM ada masalah. Paling risau apabila saya ada dengar masih ramai pemain yang tunggu masa untuk hantar surat berhenti.

"Memang jika mereka tidak berada di bawah BAM pun, masih boleh mewakili negara, namun sebagai badan induk sukan badminton, BAM harus mengkaji mengapa ia berlaku bagi memastikan reputasi BAM sebagai badan induk dapat dikekalkan," katanya ketika ditemui di Arena Of Star, Genting Highland, semalam.

Baru-baru ini, BAM menerima tamparan hebat apabila ramai pemain termasuk pemain beregu negara bertindak meletakkan jawatan kerana merasakan prestasi mereka gagal dipertingkatkan lagi apabila berada dibawah kendalian BAM.

Malah menerusi laporan akhbar semalam juga, jaguh badminton negara, Datuk Lee Chong Wei turut yakin akan ada beberapa pemain lagi yang mungkin akan membuat keputusan sama untuk meninggalkan BAM tidak terkecuali dirinya.

Ujar bekas juara All England 2003 itu lagi, BAM tidak boleh menyalahkan pemain berhubung keputusan tersebut kerana apa yang berlaku berpunca daripada mereka.

"Ini mungkin satu tamparan hebat buat BAM, tapi jika keadaan tak selesa, sudah pasti pemain mahu lari dan cari angin baru.

"Lagipun, sekarang ini sudah banyak kelab badminton yang menawarkan pendapatan yang lebih lumayan daripada yang ditawarkan oleh BAM sendiri, jadi mungkin itu punca utama mengapa ada pemain yang bertindak keluar dari BAM selain faktor di atas," katanya.